

12/07/1998

Star bukti kemampuan syarikat Malaysia

Ahmad Burak; Zainuddin Isa

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri berkata kejayaan Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (Star) menyempurnakan projek pengangkutan LRT lebih awal daripada jadual adalah bukti syarikat Malaysia mampu melaksanakan tugas dengan baik apabila diberikan tanggungjawab besar.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kejayaan itu juga adalah bukti syarikat tempatan cekap, berkredibiliti dan boleh diamanahkan dengan tugas berat oleh kerajaan dan rakyat.

"Kejayaan Star menyempurnakan projek pengangkutan LRT ini lebih awal daripada jadual dan yang begitu penting bagi menjayakan Sukan Komanwel adalah bukti syarikat Malaysia mampu melaksanakan tugasnya dengan baik apabila ia diberikan tanggungjawab besar seperti ini," katanya ketika merasmikan Star-LRT dari Kuala Lumpur ke Bukit Jalil, di sini semalam.

Menurut beliau, Star-LRT akan menghubungkan Kompleks Sukan Bukit Jalil dengan pusat bandar Kuala Lumpur dan kawasan lain serta memudahkan perjalanan dari Kuala Lumpur ke Sukan Komanwel '98.

Katanya, projek pengangkutan LRT ini adalah fasa kedua berjaya disiapkan oleh Star, iaitu sebuah syarikat tempatan yang berpengalaman dalam sistem pengangkutan rel ringan.

Syarikat ini, menurut beliau, menjadi perintis dalam pembangunan pengangkutan LRT apabila ia berjaya menyiapkan fasa pertama projek, iaitu menghubungkan Stesen Jalan Sultan Ismail dan Stesen Ampang, yang kini berjalan lancar dan sempurna.

Perdana Menteri berkata, sistem `mass transit', iaitu pengangkutan secara beramai-ramai adalah satu kemudahan terpenting bagi sebuah bandar besar.

Menurut beliau, bandar raya Kuala Lumpur yang mempunyai penduduk hanya 300,000 ketika kemerdekaan dicapai, kini tumbuh begitu pesat dengan penghuni melebihi dua juta.

"Jika dicampur dengan penduduk di Lembah Klang jumlahnya tiga juta. Tidak mungkin memadai jika pengangkutan terhad kepada kenderaan jalan raya.

"Hanya sistem rel sahaja yang boleh menampung keperluan perjalanan untuk orang ramai di daratan," katanya.

Dr Mahathir berkata, sepatutnya Kuala Lumpur mempunyai hanya satu sistem rel ringan tetapi oleh kerana pelabur kecil, kurang modal dan pengalaman memaksa diwujudkan empat sistem yang dimiliki oleh empat syarikat dengan sistem berlainan.

Beliau berharap integrasi boleh dilaksanakan di kalangan sistem rel ringan ini supaya tidak menimbulkan masalah kepada pengguna.

"Untuk memajukan sistem `mass transit' amatlah penting perjalanan diadakan secara kerap dan mengikut jadual dengan ketat.

"Apabila penumpang yakin tetap ada pengangkutan pada masa tertentu, atau jika perjalanan kerap dan ada pengangkutan bila-bila sahaja selepas menunggu sedikit masa, maka penggunaan sistem pengangkutan `mass transit' akan mendapat sambutan baik dan maju," katanya.

Menurut Perdana Menteri, sistem pengangkutan ini akan mengangkut penumpang ke Kompleks Sukan Bukit Jalil ketika Sukan Komanwel berlangsung dan ini adalah satu ujian besar terhadap kemampuan dan kecekapan Star-LRT.

Beliau berharap pengurusan syarikat berkenaan menganggap ia sebagai satu cabaran dan menentukan semuanya berjalan dengan baik dan lancar.

Menyentuh Sukan Komanwel '98 yang akan berlangsung September ini, Dr

Mahathir berkata program itu adalah sukan kedua terbesar di dunia selepas Olimpik.

"Negara kita adalah negara yang pertama di Asia yang dipilih untuk menganjurkan sukan ini," katanya.

(END)